


# Menerangi Pedalaman Sarawak



Tahun 2009 lalu, liputan bekalan elektrik untuk populasi luar bandar hanya merangkumi 56% ketika liputan keseluruhan bekalan elektrik domestik negeri pada 79%. Hari ini, liputan bekalan tenaga elektrik populasi luar bandar mencecah 90%, sekaligus meningkatkan liputan keseluruhan kepada hampir 95%. Pertumbuhan pesat ini jadi kenyataan hasil usaha bersepadu, kerjasama dan komitmen bagi menyediakan bekalan elektrik kepada semua penduduk Sarawak.


Dalam pada itu, Kementerian Utiliti Sarawak (MoU), dengan kerjasama Sarawak Energy, mensasarkan untuk menghubungkan lebih daripada 30,000 lagi isi rumah luar bandar dalam usaha untuk mencapai pembekalan elektrik penuh menjelang tahun 2025. Hampir separuh daripada populasi Sarawak berada di kawasan luar bandar, menempati bandar-bandar kecil, pekan-pekan, kampung-kampung serta rumah-rumah panjang yang meliputi lanskap geografi negeri yang luas, sungai-sungai yang berliku, hutan hujan yang tebal dan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang.

Visi Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua komuniti luar bandar, termasuk komuniti hulu sungai yang terpencil dapat dihubungkan dengan bekalan tenaga elektrik 24 jam. Justeru, fokus pembekalan elektrik luar bandar ini adalah untuk memperluas grid ke kawasan-kawasan yang boleh dicapai, manakala sistem tunggal digunakan sebagai sumber tenaga elektrik alternatif bagi wilayah-wilayah yang terlalu terpencil untuk dihubungkan dengan grid, agar komuniti-komuniti ini tidak lagi menggunakan penjana elektrik diesel yang mahal dan mengeluarkan bunyi bising.

Pembekalan elektrik luar bandar di Malaysia mula meningkat dalam tahun 2009 apabila ia dijadikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) oleh Kerajaan Persekutuan. Sejak itu, sejumlah RM3.5billion telah dibelanjakan di Sarawak di bawah Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar (RES) bagi menerangi lebih 102,000 isi rumah luar bandar sehingga tahun 2016, manakala lebih 100,000 rumah lagi di lebih 4,000 buah kampung yang bertaburan menjelang September 2017.



## Status Pembekalan Elektrik



## Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar

Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar (RES) merupakan strategi untuk mengembangkan Grid Negeri yang sedia ada menerusi pembinaan tiang-tiang dan talian-talian bekalan agihan elektrik ke kawasan-kawasan yang belum mendapat bekalan elektrik.

Pelanggan di luar bandar boleh memohon RES di pejabat-pejabat Residen dan Daerah masing-masing. Kementerian Utiliti bertindak sebagai penyelaras projek ini, manakala Sarawak Energy pula menyediakan sokongan teknikal, selain memantau kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh kerajaan, menguji dan membuat pemasangan sebelum mengambil alih operasi dan penyelenggaraan.

Projek RES biasanya mengambil masa 10-18 bulan untuk disiapkan. Bagaimanapun, ia boleh melangkaui tempoh itu jika timbul isu-isu melibatkan kelulusan tanah daripada tuan-tuan tanah atau cabaran berkaitan bentuk muka bumi. Justeru itu, untuk memudahkan pelaksanaan projek, sesi dialog diadakan dengan komuniti terlibat bagi memberi penjelasan tentang skop projek, proses serta prosedur yang perlu dilalui untuk menerima bekalan tenaga elektrik.

## Power to Grow

www.sarawakenergy.com.my



## Strategi Liputan Pembekalan Elektrik Penuh Luar Bandar


Di bawah Pelan Induk Tenaga Luar Bandar yang telah diperkenalkan pada tahun 2015 lalu, satu strategi diwujudkan untuk membekalkan elektrik kepada isi rumah luar bandar. Ini menyaksikan pendekatan yang lebih bersungguh dan teratur dalam pelaksanaannya. Pelan ini bertujuan meningkatkan pengeluaran elektrik luar bandar melalui pelbagai program yang dibiayai oleh kerajaan. Pelan ini termasuk peluasan rangkaian pengagihan elektrik bervoltan tinggi dari grid sedia ada di bawah RES; RPSS di dalam memanjangkan rangkaian transmisi Voltan Tinggi (EHV) ke kawasan-kawasan luar bandar; manakala hibrid dan SARES untuk sistem alternatif boleh diperbaharui bagi kawasan-kawasan amat terpencil.

Pelaksanaan serentak program-program ini berupaya mempercepatkan pelan pembekalan elektrik kerajaan, selaku pemangkin pembangunan luar bandar bagi merapatkan jurang di antara komuniti luar bandar dan bandar, serta membolehkan agenda ekonomi digital negeri sampai ke komuniti-komuniti luar bandar sekaligus membantu merealisasikan visi Sarawak untuk menjadi negeri maju menjelang 2030.

Kira-kira 5,000 isi rumah luar bandar yang sudah mempunyai akses melalui jalan raya atau berada berhampiran dengan Grid Negeri akan diberi bekalan elektrik di bawah RES. Sementara 18,000 isi rumah lagi hanya akan menerima bekalan elektrik sebaik wujud kemudahan untuk ke kampung-kampung ini.

Bagi isi rumah selebihnya yang berada di kawasan amat terpencil di negeri ini, satu inisiatif melibatkan komuniti iaitu Skim Bekalan Elektrik Alternatif Luar Bandar (SARES) dilaksanakan untuk menggalakkan liputan penuh ke komuniti-komuniti terpencil di negeri ini. Skim yang bernilai RM500 juta ini bakal menerangi 8,700 isi rumah di antara tempoh 2016-2020, melibatkan pembinaan system alternatif yang menggunakan hidro mikro atau teknologi solar. Sejak skim ini dilancarkan, sebanyak 1,400 isi rumah berjaya mendapat bekalan elektrik.

## Liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar



Jumlah Isi Rumah Yang Telah Dibekalkan Elektrik  
109,717

